

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 25 Ogos 2021



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
JULAI 2021**

Inflasi Malaysia mencatatkan kenaikan 2.2 peratus pada Julai 2021

PUTRAJAYA, 25 Ogos 2021 –Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia menyederhana sebanyak 2.2 peratus pada bulan Julai 2021 kepada 122.5 berbanding 119.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan sederhana ini antaranya disebabkan oleh diskaun bil elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan efektif 1 Julai 2021. Walau bagaimanapun, IHP masih kekal positif memandangkan terdapat kenaikan harga minyak petrol dan diesel pada Julai 2021 berbanding setahun yang lalu.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan 2.2 peratus pada bulan Julai 2021 kepada 122.5 berbanding 119.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP kekal positif untuk bulan keenam berturut-turut semenjak Februari 2021 disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada tahun lalu. Peningkatan ini telah didorong terutamanya oleh kenaikan dua-digit dalam kumpulan Pengangkutan iaitu 11.6 peratus berikutan penetapan harga siling petrol RON95 kepada RM2.05 seliter sejak Mac lalu berbanding harga purata RM1.69 pada Julai 2020. Ini diikuti oleh Hiasan,

Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.7%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.3%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.7%)”.

Sementara itu, IHP bagi tempoh Januari hingga Julai 2021 menunjukkan peningkatan 2.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP menurun 0.6 peratus berbanding Jun 2021. Penurunan ini telah disumbangkan oleh kadar negatif bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (-2.5%) dan Minuman Alkohol & Tembakau (-0.1%).


Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, “Indeks teras meningkat 0.7 peratus pada Julai 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara kumpulan utama yang bertindak sebagai pendorong kepada kenaikan ini adalah kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.7%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.1%); Pengangkutan (1.0%); Restoran & Hotel (0.7%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.6%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.6%); Kesihatan (0.4%); Pendidikan (0.1%) dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (0.1%). Indeks teras meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali item makanan segar yang mempunyai harga tidak menentu serta harga yang dikawal”.

IHP tanpa bahan api meningkat 0.8 peratus pada Julai 2021 kepada 113.2 berbanding 112.3 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel.


Lima negeri iaitu Terengganu (2.8%), Pahang (2.5%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.4%), Kelantan (2.4%) dan Sarawak (2.3%) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional 2.2 peratus pada Julai 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.0%). Sementara itu, negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 1.3 peratus pada Julai 2021 berbanding Julai 2020.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1 : Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Teras dan Indeks Tanpa Bahan Api bagi Julai 2020 - Julai 2021



Carta 2 : Perubahan Peratus indeks Kumpulan Terpilih bagi Julai 2020 – Julai 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 OGOS 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 25th, 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
JULY 2021**

Malaysia's inflation recorded 2.2 per cent increase in July 2021

PUTRAJAYA, 25 August 2021 – Malaysia's Consumer Price Index (CPI) moderated by 2.2 percent in July 2021 to 122.5 as against 119.9 in the same month of the preceding year. Among the reason for moderate increase was due to the monthly electricity bill discount given to domestic consumers under the Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) Package for a period of three months effective 1st July 2021. Nevertheless, the CPI remained on the positive territory as there were increases of the petrol & diesel prices in July 2021 as compared to a year ago.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "Consumer Price Index (CPI) increased 2.2 per cent in July 2021. CPI remained positive for the sixth consecutive months since February 2021 due to the lower base effect last year. The increase was mainly driven by a double-digit increase of 11.6 per cent in the Transport group due to the setting of the RON95 petrol ceiling price to RM2.05 per litre since March as compared to the average price of RM1.69 in July 2020. This was followed by Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (1.7%); Food & Non-Alcoholic Beverages (1.3%) and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.7%)".

Meanwhile, the CPI for the period of January to July 2021 increased 2.3 per cent as compared to the same period last year. On a monthly basis, CPI decreased by 0.6 per cent as compared to June 2021. The decrease was attributed to the negative rate of Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (-2.5%) and Alcoholic Beverages & Tobacco (-0.1%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Core index rose 0.7 per cent in July 2021 as compared to the same month of the previous year. Among the major groups which influenced the increase were Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (1.7%); Food & Non-Alcoholic Beverages (1.1%); Transport (1.0%); Restaurants & Hotels (0.7%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.6%); Recreation Services & Culture (0.6%); Health (0.4%); Education (0.1%) and Miscellaneous Goods & Services (0.1%). Core index covers all goods and services except volatile items of fresh food as well as administered prices".

The CPI without fuel increased 0.8 per cent in July 2021 to 113.2 as compared to 112.3 in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel.

Five states namely Terengganu (2.8%), Pahang (2.5%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.4%), Kelantan (2.4%) and Sarawak (2.3%) surpassed the national CPI rate of 2.2 per cent in July 2021 as compared to the same month of the previous year. All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.0%). Meanwhile, other states showed an increase below the national index of Food & Non-Alcoholic Beverages rate of 1.3 per cent in July 2021 as compared to July 2020.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1 : Percentage Change of Headline CPI, Core Index and CPI Without Fuel for July 2020 - July 2021





Chart 2 : Percentage Change of Selected Group for July 2020 – July 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
25 AUGUST 2021